

Malaysia tetap negara demokratik — Mahathir

①

Mn. 31 JUL 1994

KUALA LUMPUR 30 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan rakyat memilih Barisan Nasional (BN) untuk membentuk kerajaan setiap kali pilihanraya umum diadakan bukan berarti negara ini kurang demokratik.

Katanya, negara ini adalah demokratik seperti mana juga negara-negara demokrasi yang lain.

"Malaysia adalah sebuah negara yang demokratik kerana rakyat mempunyai pilihan untuk menggantikan kerajaan yang mereka tidak suka. Jika rakyat memilih parti yang sama untuk membentuk kerajaan, ini juga adalah hak demokratik mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-23 Parti Gerakan, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sebenarnya ada banyak faedah yang boleh diperolehi

dengan rakyat memilih BN untuk membentuk kerajaan setiap kali pilihanraya umum diadakan.

"Di samping menjamin kestabilan politik, ia juga akan menentukan dasar-dasar kerajaan yang konsisten.

"Oleh kerana ada kestabilan politik dan dasar-dasar yang konsisten, para pelabur asing tertarik untuk melabur di Malaysia," katanya.

Beliau menegaskan, dasar-dasar negara ini yang konsisten telah membolehkan para pelabur membuat perancangan jangka panjang dan tidak perlu risau dengan pertukaran dasar oleh kerana pertukaran kerajaan baru.

"Bayangkanlah apa yang akan berlaku jika tidak ada 'stability' dalam kerajaan kerana pertukaran kerajaan setiap kali pilihanraya umum diadakan.

"Bukan sahaja dasar-dasar kerajaan ditukar

separuh jalan, bahkan politik negara juga mungkin tidak stabil. Ini dapat kita lihat di beberapa buah negara, di mana kerajaan dan dasar-dasarnya bertukar setiap kali pilihanraya diadakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan besar yang dicapai BN dalam setiap pilihanrayanya telah menimbulkan kehairanan di kalangan pemerhati.

"Mereka sungguh hairan bagaimana parti-parti komponen BN boleh hidup bersatu padu dan berharmoni sebegitu lama sedangkan parti-parti tersebut mewakili berbagai-bagai kaum dan kepentingan," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, BN tidak mempunyai formula khas bagi kejayaan parti itu.

"Kejayaan BN ialah kerana wujud persefahaman, sikap tolak ansur dan kompromi serta semangat tolenrasi di kalangan para pemimpin dan ahlinya. Ini tidak ber-

makna tidak ada perselisihan faham dan pendapat langsung di kalangan pemimpin dan ahlinya.

Sebarang perselisihan kita bincang bersama dengan rasional seperti dalam satu keluarga," katanya.

Beliau menambah, kesanggupan bertolak ansur dan berkompromi ini tidak bermakna bahawa ada pihak yang menang dan ada yang kalah.

"Kita bertolak-ansur dan berkompromi demi kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya. Inilah prinsip yang dipegang oleh BN dan akan terus diamalkan. Inilah antara sebab BN sentiasa mendapat sokongan rakyat untuk membentuk kerajaan," katanya.

Dr. Mahathir juga menegaskan, beliau yakin Malaysia akan menjadi negara maju tanpa perlu menjajah mana-mana negara.